

**KELANGSUNGAN HIDUP NELAYAN TERHADAP  
PENGISYTIHARAN KAWASAN PERLINDUNGAN  
MARIN DI KAMPUNG SEBAYAN KUDAT, SABAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2023**

**KELANGSUNGAN HIDUP NELAYAN TERHADAP  
PENGISYTIHARAN KAWASAN PERLINDUNGAN  
MARIN DI KAMPUNG SEBAYAN KUDAT, SABAH**

**NORINA NATASHA BINTI AG IJUWAN**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **KELANGSUNGAN HIDUP NELAYAN TERHADAP  
PENGISYTIHARAN KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN DI  
KAMPUNG SEBAYAN KUDAT, SABAH**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**

Saya **NORINA NATASHA BINTI AG IJUWAN**, Sesi **2020-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi makumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK  
TERHAD**

Disahkan Oleh,

---

**NORINA NATASHA BINTI AG IJUWAN**  
**MA1911026T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh :

(Dr. Jalihah Md Shah)  
Penyelia

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis yang bertajuk Kelangsungan Hidup Nelayan Terhadap Pengisytiharan Kawasan Perlindungan Marin Di Kampung Sebayan Kudat, Sabah adalah hasil usaha dan kerja saya sendiri kecuali beberapa ringkasan, petikan dan rujukan yang setiap satunya dinyatakan sumbernya.



## **PENGESAHAN**

NAMA : NORINA NATASHA BINTI AG IJUWAN

NO. MATRIK : MA1911026T

TAJUK : KELANGSUNGAN HIDUP NELAYAN TERHADAP  
PENGISYIHKAN KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN DI  
KAMPUNG SEBAYAN KUDAT, SABAH

IJAZAH : SARJANA SASTERA

BIDANG : ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI SOSIAL

TARIKH VIVA : 26 Julai 2023



DISAHKAN OLEH;  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

DR. JALIHAH MD SHAH

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah dengan lafaz penuh kesyukuran kepada Allah yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka tesis penyelidikan sarjana ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tesis ini adalah hasil usaha dan kerjasama mereka yang banyak membantu saya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Jaliyah Md Shah selaku penyelia yang banyak meluangkan masa memberi bimbingan, tunjuk ajar dan panduan bermakna dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Semoga Allah memberkati segala jasa baik dan dedikasi yang diberikan. Terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah yang menaja kajian ini menerusi geran penyelidikan (Kod Geran: SDN0075-2019) yang diberikan.

Ucapan jutaan terima kasih juga saya tujuarkan kepada ahli keluarga terutamanya bapa saya Ag Ijuwan bin Madiana dan almarhum ibu saya Trina binti Liman telah banyak memberikan sokongan moral, menemani ke lokasi kajian dan bantuan kewangan bagi memudahkan saya menjayakan penulisan tesis ini. Buat almarhum ibu, ini untuk mama! Walaupun mama tiada di dunia ini, tapi kata-kata semangat semasa almarhum mama masih ada, sehingga sekarang masih terngiang-ingiang di telinga untuk menyiapkan tesis. Semoga mama tenang di sana. Sesungguhnya, ini adalah hadiah buat mama sebab akhirnya janji sudah terlaksana dengan menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada kakak saya Norina Rizila, abang saya Farid Arifin dan sahabat saya Airuny Nasuha dan Eliani Ghazali yang sentiasa berada di sisi saya selama ini.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada komuniti nelayan Kampung Sebayan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Jasa kalian amat dihargai dan hanya Tuhan yang mampu membalaunya. Segala yang baik itu adalah kurniaan Allah Azza Wajala dan yang buruk itu adalah kelemahan saya sendiri.

Norina Natasha Binti Ag Ijuwan  
26 Julai 2023

## **ABSTRAK**

Aktiviti perikanan merupakan salah satu daripada aktiviti ekonomi komuniti di kawasan luar bandar negeri Sabah. Bagaimanapun, pengisytiharan sesuatu kawasan perairan sebagai Kawasan Perlindungan Marin atau *Marine Protected Areas* (MPA) telah memberi kesan terhadap mata pencarian nelayan. Di samping itu, norma kehidupan nelayan juga turut mengalami perubahan termasuk nelayan di Kampung Sebayan, Kudat. Perkampungan nelayan ini merupakan salah sebuah kampung yang terletak di Teluk Marudu yang telah diisyihar sebagai MPA Taman Tun Mustapha. Teluk Marudu yang menjadi MPA bermula pada tahun 2016 diharapkan boleh memulihara kepelbagaian hidupan marin serta kawasan pesisir pantai, menambahbaik sektor perikanan agar lebih mampan untuk faedah komuniti setempat termasuk membuka lebih banyak peluang industri pelancongan di negeri Sabah. Bagi komuniti nelayan di Kampung Sebayan, kewujudan Taman Tun Mustapha ini menimbulkan dilema dan memberi kesan terhadap aktiviti perikanan dan kehidupan mereka secara keseluruhannya. Kajian ke atas komuniti nelayan di Kampung Sebayan ini mendapat komuniti berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam melakukan aktiviti perikanan dan dalam masa sama mengakui perlunya memelihara hidupan marin daripada pupus. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjawab persoalan kajian iaitu mengapakah Kampung Sebayan dipilih sebagai Kawasan Perlindungan Marin?; Apakah reaksi nelayan di Kampung Sebayan terhadap pengisytiharan Teluk Marudu sebagai kawasan Perlindungan Marin?; dan Apakah strategi sosioekonomi yang dilakukan oleh nelayan Kampung Sebayan untuk berhadapan dengan perisytiharan Teluk Marudu sebagai Kawasan Perlindungan Marin?. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu mengkaji faktor pemilihan Kampung Sebayan sebagai Kawasan Perlindungan Marin, mengkaji reaksi nelayan Kampung Sebayan terhadap perisytiharan Teluk Marudu sebagai Kawasan Perlindungan Marin; dan mengenalpasti strategi sosioekonomi yang dilakukan oleh nelayan Kampung Sebayan akibat perisytiharan Teluk Marudu sebagai Kawasan Perlindungan Marin. Hasil penelitian ini juga mendapat sebahagian besar daripada ahli komuniti di Kampung Sebayan tidak bersetuju dengan pengisytiharan Taman Tun Mustapha. Hal ini kerana ia telah menghadkan pergerakan mereka ke kawasan menangkap ikan yang seterusnya menjelaskan pendapatan para nelayan di perkampungan ini.

Kata Kunci: Kawasan Perlindungan Marin (MPA), Pendekatan Penghidupan Mampan, Taman Tun Mustapha, Komuniti Nelayan

## **ABSTRACT**

### **FISHERMEN'S CONTINUITY AGAINST THE DECLARATION OF MARINE PROTECTED AREAS IN KAMPUNG SEBAYAN KUDAT, SABAH**

*Fishing is a key economic activity in rural areas of Sabah, particularly in the village of Kampung Sebayan, Kudat. However, the establishment of a Marine Protected Area (MPA) known as Taman Tun Mustapha in Marudu Bay has significantly impacted the livelihoods of local fishermen and brought about changes in their way of life. Marudu Bay was designated as an MPA in 2016 with the aim of conserving marine biodiversity and coastal areas, promoting sustainable fishing practices for the benefit of the local community, and creating tourism opportunities in Sabah. The presence of Taman Tun Mustapha has presented a dilemma for the fishing community in Kampung Sebayan, as it has affected their fishing activities and overall quality of life. The study conducted on this community revealed that they face various challenges in pursuing their fishing activities while recognizing the importance of preserving marine life from extinction. This research consists of 3 objectives. Which are to identify the factor of choosing Kampung Sebayan as marine protected area, to examine the reaction of Kampung Sebayan's fishermen towards the declaration of Teluk Marudu as marine protected area; and to analyze the socioeconomics strategies made by the fishermen of Kampung Sebayan due to the declaration of Teluk Marudu as marine protected area. In this study, researcher used qualitative method to answer the research questions, why Kampung Sebayan is chosen as marine protected area?; what are the reactions of the fishermen at Kampung Sebayan towards the declaration of Teluk Marudu as marine protected area?; and what are the socioeconomic strategies used by Kampung Sebayan's fishermen facing the declaration of Teluk Marudu as marine protected area?. Notably, a majority of the community members in Kampung Sebayan disagreed with the establishment of Taman Tun Mustapha because it has restricted their access to fishing areas, subsequently impacting the income of the village's fishermen.*

**Keywords:** Marine Protected Area, Sustainable Livelihood Approach, Tun Mustapha Park, Fishing Community

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI PETA</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI FOTO</b>	xvi
<b>SENARAI SIGNKATAN</b>	xviii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Sosioekonomi Komuniti Dalam Kawasan Taman Tun Mustapha	7
1.3.1 Perikanan Tradisional	8
1.3.2 Perikanan Komersial	8
1.3.3 Akuakultur Sangkar	9
1.3.4 Pelancongan	10
1.4 Permasalahan Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Objektif Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	14

1.8 Struktur Perbincangan Dalam Tesis	15
1.9 Kesimpulan	17

## **BAB 2 : PERBINCANGAN KONSEP, PERSPEKTIF TEORI DAN SOROTAN**

### **KAJIAN LEPAS**

2.1 Pengenalan	18
2.2 Konsep Utama Kajian	18
2.2.1 Komuniti	18
2.2.2 Nelayan	19
2.2.3 Perikanan	21
2.2.4 Kawasan Perlindungan Marin/Marine Protected Areas (MPA)	22
2.2.5 Kemiskinan	24
2.3 Perspektif Teori	26
2.4 Pendekatan Penghidupan Mampan ( <i>Sustainable Livelihood Approach</i> )	26
2.5 Kerangka Penghidupan Mampan	27
2.6 Modal dalam Penghidupan Mampan dan Situasi Komuniti Kampung Sebayan	30
2.6.1 Modal Sosial	31
2.6.2 Modal Manusia	32
2.6.3 Modal Semula Jadi	32
2.6.4 Modal Fizikal	32
2.6.5 Modal Ekonomi	32
2.7 Pendekatan Penghidupan Mampan Nelayan Dalam Kawasan Perlindungan Marin	33
2.8 Justifikasi Pemilihan Teori Pendekatan Penghidupan Mampan Dalam Kajian	33
2.9 Sorotan Kajian Lepas	34
2.9.1 Komuniti Dan Nelayan	34
2.9.2 Kawasan Perlindungan Marin	37
2.9.3 Kawasan Perlindungan Marin di Malaysia	38
2.9.4 Kawasan Perlindungan Marin Dan Komuniti	40
2.10 Kesimpulan	43

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	44
3.2 Pendekatan Kualitatif	44
3.3 Kajian Kes sebagai Pendekatan Utama	46
3.4 Lokasi Kajian	47
3.5 Justifikasi Pemilihan Kampung Sebayan sebagai Lokasi Kajian	48
3.6 Pemilihan Sampel	49
3.7 Carta Alir Proses Penyelidikan	50
3.8 Proses dan Strategi Kerja Lapangan	52
3.9 Kaedah Pengumpulan Data	53
3.9.1 Kaedah Pemerhatian Turut Serta	54
3.9.2 Catatan sewaktu kerja lapangan	56
3.9.3 Temubual secara mendalam	57
3.9.4 Rangka Soalan Panduan Tembual	61
3.10 Teknik Dan Proses Analisis Data	65
3.11 Limitasi Kajian	65
3.12 Kesimpulan	66



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 4 : PROFIL DEMOGRAFI DAN PEWARTAAN KAMPUNG SEBAYAN**

### **SEBAGAI KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN**

4.1 Pengenalan	67
4.2 Sejarah Penubuhan Kampung Sebayan	67
4.2.1 Pengangkutan Utama Komuniti Kampung Sebayan	69
4.2.2 Status Pemilikan Tanah Kampung Sebayan	69
4.2.3 Profil Komuniti Kampung Sebayan	70
4.2.4 Jenis Pekerjaan Komuniti Kampung Sebayan	71
4.2.5 Kepimpinan Peringkat Komuniti Kampung Sebayan	72
4.2.6 Kemudahan Prasarana di Kampung Sebayan	72
4.3 Sejarah Ringkas Penubuhan Taman Tun Mustapha	73

4.4 Perancangan Dan Panduan Kawasan Perlindungan Marin Sebagai Alat Pengurusan Bersepadu	74
4.4.1 Prinsip Biofizikal	74
4.4.2 Prinsip Sosio-ekonomi	76
4.5 Bidang Kuasa Taman Tun Mustapha	77
4.5.1 Enakmen Taman 1984	77
4.5.2 Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar (1997)	78
4.5.3 Enakmen Biodiversiti Sabah (2000)	78
4.5.4 Akta Perikanan (1985)	79
4.6 Pengezonan Taman Tun Mustapha	81
4.6.1 Zon Pemeliharaan	81
4.6.2 Zon Kegunaan Komuniti	82
4.6.3 Zon Pelbagai guna	83
4.6.4 Zon Perikanan Komersial	84
4.7 Proses Pembahagian Zon Di Dalam Taman Tun Mustapha	86
4.8 Rangka Kerja Di Dalam Taman Tun Mustapha	89
4.9 Pendekatan Pengurusan Taman Tun Mustapha	90
4.9.1 Pengurusan Taman Tun Mustapha Berdasarkan IUCN Kategori VI	91
4.9.2 Pengurusan Kolaboratif	91
4.9.3 Menggalakkan Penglibatan Komuniti Tempatan	91
4.9.4 Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	92
4.9.5 <i>Tun Mustapha Park Steering Committee</i>	92
4.9.6 Jawatankuasa Penasihat Berdasarkan Isu <i>(Issues Based Advisory Committees)</i>	94
4.9.7 Pengurusan Dan Pejabat Operasi Taman Tun Mustapha (TMO)	94
4.10 Program Sokongan Yang Dijalankan Untuk Pengurusan Taman Tun Mustapha	95
4.10.1 Program Pengurusan Berasaskan Isu	95
4.10.2 Program Pengurusan Pangkalan Data	96
4.10.3 Program pembangunan Latihan Institusi	96
4.10.4 Program Pendidikan Dan Kesedaran	97
4.10.5 Program Komunikasi	97

4.11	Pewartaan Kampung Sebayan sebagai Kawasan Pelindungan Marin Di Bawah Taman Tun Mustapha	98
4.12	Peranan Komuniti Di Dalam Taman Tun Mustapha	99
4.13	Pembahagian Zon dan Pewartaan Kampung Sebayan Sebagai Kawasan Perlindungan Marin	99
4.14	Kesimpulan	101

**BAB 5 : REAKSI DAN CABARAN NELAYAN KAMPUNG SEBAYAN TERHADAP  
PERISYTIHARAN TELUK MARUDU SEBAGAI KAWASAN  
PERLINDUNGAN MARIN**

5.1	Pengenalan	102
5.2	Reaksi Positif Nelayan Terhadap Taman Tun Mustapha	103
5.2.1	Pemuliharaan Alam Sekitar	103
5.2.2	Mengawal Kemasukan Nelayan Dari Luar	105
5.3	Reaksi Negatif Nelayan Terhadap Taman Tun Mustapha	106
5.3.1	Kemerosotan Ekonomi	106
5.3.2	Peraturan Melanggar Norma Kehidupan Nelayan	107
5.3.3	Kurang Penjelasan Daripada Pihak Atasan	110
5.3.4	Membataskan Lokasi Penangkapan Ikan	112
5.4	Cabarani Utama Nelayan Untuk Mengubah Lokasi Penangkapan Ikan	112
5.4.1	Peralatan Menangkap Ikan Yang Terhad	113
5.4.2	Cuaca	114
5.4.3	Peningkatan Kos Minyak	115
5.5	Pemindahan Tempat Tinggal	116
5.6	Kesimpulan	117

**BAB 6 : STRATEGI KELANSUNGSEN HIDUP NELAYAN DI KAMPUNG  
SEBAYAN BERHADAPAN PERLAKSANAAN TAMAN TUN MUSTAPHA**

6.1	Pengenalan	118
6.2	Strategi Nelayan Di Kampung Sebayan Dalam Menghadapi Perlaksanaan Taman Tun Mustapha	118
6.2.1	Menjalankan Perniagaan Ikan Sangkar	120

6.2.2 Menjalankan Perniagaan Balat Laut	121
6.2.3 Menjalankan Perniagaan Siput	125
6.2.4 Mendirikan Bagang	128
6.2.5 Bantuan Peralatan Menangkap Ikan Yang Berteknologi	129
6.2.6 Pekerjaan Alternatif	130
6.2.7 Menjalankan Perniagaan	131
6.2.8 Menghasilkan peralatan menangkap ikan	134
6.2.9 Kursus Yang Menjana Pendapatan Komuniti Kampung	135
6.2.10 Berhijrah Keluar Dari Kampung Sebayan	136
6.2.11 Pertanian	136
6.2.12 Pempat Rekreasi /Perlancongan	138
6.3 Peranan Jabatan Perikanan Sabah Dalam Membantu Meningkatkan Ekonomi Nelayan Kampung Sebayan	139
6.4 Kesimpulan	144

## **BAB 7 : PENUTUP**

7.1 Pengenalan	145
7.2 Ringkasan Penemuan Kajian	145
7.3 Ringkasan Dapatan Kajian bagi Objektif 1: Profil Demografi dan Keunikan Kampung Sebayan	146
7.4. Ringkasan Dapatan Objektif 2: Reaksi Komuniti Nelayan Kampung Sebayan Terhadap Pelaksanaan Kawasan Perlindungan Marin	147
7.5 Ringkasan objektif 3: Cabaran dan Strategi Komuniti Nelayan di Kampung Sebayan	147
7.6 Pendekatan Penghidupan Mampan, Cabaran dan Strategi Komuniti Nelayan Kampung Sebayan	149
7.7 Implikasi Kajian	151
7.8 Sumbangan Kajian	151
7.9 Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	152
7.10 Kesimpulan	152
<b>RUJUKAN</b>	154
<b>LAMPIRAN</b>	164


## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 1.1: Pengurusan Dan Badan Perundangan Kawasan Perlindungan Marin Di Malaysia	3
Jadual 1.2: Perincian Kawasan Perlindungan Marin Di Sabah	5
Jadual 2.1: Kategori dan Bilangan Nelayan Di Daerah Matunggong	21
Jadual 2.2: Modal dalam Penghidupan Mampan Mengikut Situasi Komuniti Kampung Sebayan	31
Jadual 3.1: Senarai Informan yang Ditemubual	58
Jadual 4.1: Jenis Pekerjaan Komuniti Kampung Sebayan	71
Jadual 4.2: Akta Perikanan (1985)	80
Jadual 4.3: Ahli Jawatankuasa Taman Tun Mustapha	93
Jadual 6.1: Strategi Nelayan di Kampung Sebayan	119
Jadual 6.2: Harga Balat Mengikut Saiz dan Kategori	122
Jadual 6.3: Jenis Bantuan Penternakan Balat	124
Jadual 6.4: Jenis Bantuan/Program yang Ditawarkan	140
Jadual 6.5: Bantuan Yang Diterima oleh Komuniti Kampung Sebayan	142-143

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI PETA**

	Halaman
Peta 3.1 : Kampung yang terlibat dalam Taman Tun Mustapha	48
Peta 4.1 : Kampung Sebayan, Kudat	68
Peta 4.2 : Peta Pembahagian Zon	85
Peta 4.3 : Peta Pembahagian Zon untuk Kampung Sebayan	100



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 1.1: Jenis Sosioekonomi Komuniti dalam Kawasan Taman Tun Mustapha	7
Rajah 2.1: Kerangka Penghidupan Mampan	28
Rajah 3.1: Carta Alir Proses Penyelidikan	51
Rajah 4.1: Pengezonan di Taman Tun Mustapha	81

## **SENARAI FOTO**

	Halaman
Foto 3.1: Informan sedang memperbetulkan pukat yang telah dijahit. B. Pengkaji memerhati informan yang sedang menunjukkan hasil tanamannya di kebun	55 56
Foto 3.2: A. Pengkaji mengutip siput bersama informan di pesisiran pantai Kampung Sebayan. B. Pengkaji menunjukkan siput yang telah diambil bersama komuniti kampung	59
Foto 3.3: Pengkaji mengambil gambar kenangan selepas sesi temu bual bersama Encik Norhaslam Adin, Pengurus Taman (HEK) di pejabat Taman-taman Sabah, Kudat	59
Foto 3.4: Sesi temubual pengkaji bersama Encik Loson Rumikat, Jabatan Perikanan Daerah Matunggong	59
Foto 3.5: Sesi temu bual dalam talian bersama Cik Joannie Jomiko, Ketua Pelaksana Projek WWF Malaysia di Taman Tun Mustapha	60
Foto 3.6: Pengkaji menemubual nelayan tradisional yang menjalankan aktiviti perikanan sepenuh masa	60
Foto 5.1: Enjin yang dimiliki salah seorang informan di Kampung Sebayan	114
Foto 6.1: Balat yang ditemui pengkaji ketika berada di lokasi kajian	124
Foto 6.2: sangkar siput yang diusahakan oleh komuniti nelayan sebagai pendapatan sampingan	126
Foto 6.3: Suasana di pantai Kampung Sebayan yang memperlihatkan komuniti kampung sedang mengutip siput	127

Foto 6.4:	Hasil Siput yang Dikutip oleh Pengkaji	127
Foto 6.5:	Kedai runcit yang diusahakan oleh salah seorang nelayan di Kampung Sebayan	132
Foto 6.6:	Ais yang dijual oleh komuniti Kampung untuk menyimpan hasil tangkapan ikan	133
Foto 6.7:	Informan sedang membaiki pukat setelah balik daripada Menangkap ikan di laut	135
Foto 6.8:	Pokok cili yang ditanam oleh komuniti kampung	137
Foto 6.9:	Hasil cili yang ditanam oleh komuniti kampung di jual disekitar kampung	138




## **SENARAI SINGKATAN**

<b>JKK</b>	- Jawatankuasa Kampung
<b>MPA</b>	- <i>Marine Protected Areas</i>
<b>SWOT</b>	- <i>Strength, Weakness, Opportunity and Threats</i>
<b>TMP</b>	- <i>Tun Mustapha Park/Taman Tun Mustapha</i>
<b>TMO</b>	- <i>Tun Mustapha Park Management and Operation</i>
<b>Office</b>	
<b>WWF</b>	- <i>Worldwide Fund For Nature</i>
<b>SLA</b>	- <i>Sustainable Livelihood Approach</i>
<b>PGK</b>	- Pendapatan Garis Kemiskinan
<b>SABC</b>	- Majlis Biodiversiti Sabah
<b>MEAT</b>	- <i>Management Effectiveness Assessment Tool</i>



## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A : Foto	164
Lampiran B : Rangka Soalan Temubual	165
Lampiran C : Contoh Transkrip	171



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kawasan Perlindungan Marin (MPA) bukanlah suatu perkara yang baharu di Malaysia. Pengisytiharan MPA di Malaysia banyak memberi kesan positif terhadap pemuliharaan alam sekitar dan hidupan marin. Namun begitu, penduduk setempat yang tinggal di kawasan tersebut termasuklah komuniti nelayan kurang bersetuju dengan pengisytiharan Kawasan Pelindungan Marin di persekitaran mereka. Penelitian terhadap nelayan yang tinggal di dalam MPA di Malaysia masih lagi terhad, maka, Bab 1 ini bertujuan untuk menerangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian serta objektif kajian ini dijalankan.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Nelayan adalah seseorang yang menjadikan penangkapan dan penjualan ikan sebagai ekonomi utama (Jalihah, 2015; Mohd Asraf, 2019) untuk menyara keluarga. Kebanyakan nelayan tinggal di kawasan pesisiran pantai (Nor Hayati, 2019; Kusnadi, 2009; Lackey, 2005) dan menangkap ikan menggunakan alat seperti perahu, pancing, jala atau jaring (Mohammad Raduan, 2002; Acheson, 1981). Aktiviti perikanan bukan sahaja menjadi kegiatan penjanaan pendapatan isi rumah nelayan di peringkat komuniti tetapi juga merupakan penyumbang kepada ekonomi sesebuah negara (Akbar, 2009; Anticamara, 2011; Acquah, 2011; Labon, 1974). Di Malaysia, sektor perikanan telah menyediakan peluang pekerjaan kepada 128,148 orang nelayan (Jabatan Perikanan Malaysia, 2018) manakala di negeri Sabah pula seramai 30,486 orang (Jabatan perikanan Malaysia, 2020). Namun begitu, komuniti nelayan berhadapan dengan pelbagai cabaran yang akhirnya menyebabkan pendapatan

mereka terjejas dan hidup dalam kemiskinan (Jalihah & Nor Hafizah, 2016; Monirul Islam, 2014; Firth, 1990; Wan Hashim, 1980; Ishak, 1990).


Cabaran yang dihadapi nelayan khasnya nelayan tradisional terbahagi kepada dua iaitu cabaran luaran dan cabaran dalaman. Dalam cabaran luaran, nelayan berhadapan dengan harga ikan tidak stabil (Fauzi, 2005), isu dengan orang tengah/pemodal (H. Van Dijk, 2013), persaingan dengan nelayan komersil (Jalihah, 2015; Mohammad Raduan, 2011) dan ketidaktentuan alam sekitar seperti perubahan musim dan cuaca (Basri, 2007). Cabaran dalaman pula terdiri daripada peralatan dan teknologi yang digunakan (Garcia, 2013) dan lokasi 2020; Jalihah, 2015; Helrey, 2004; Cristina, 2011). Apakah kesan pengisytiharan MPA ke atas komuniti nelayan? dan bagaimanakah nelayan berhadapan dengan perubahan sosial dan ekonomi akibat pengisytiharan Kawasan perlindungan marin di Teluk Marudu. Umumnya, kajian yang membincangkan berkenaan impak MPA ke atas komuniti nelayan di negeri Sabah masih lagi terhad (Jalihah, 2015). Kajian ke atas komuniti nelayan di Kampung Sebayan, Kudat boleh memberi nilai tambah terhadap pemahaman dan isu serta usaha yang dilakukan oleh golongan nelayan dalam berhadapan pelbagai cabaran yang dilalui termasuklah bila mana kawasan mata pencarian mereka telah menjadi kawasan larangan.

Sumber perikanan marin di Malaysia semakin berkurangan pada tahun 1980-an. Idea untuk mewujudkan MPA timbul disebabkan keimbangan terhadap pengurangan sumber marin tersebut. Matlamat pengisytiharan kawasan perlindungan marin adalah untuk melindungi sumber dan habitat marin dan sebagai alat pengurusan untuk kelestarian dalam perikanan. Tambahan pula, MPA juga berfungsi sebagai alat pengurusan, membantu pemasu ke arah kemampunan dalam industri perikanan (Jabatan Perikanan, 1996).

**Jadual 1.1: Pengurusan Dan Badan Perundangan  
Kawasan Perlindungan Marin Di Malaysia**

<b>Kawasan</b>	<b>Pengurusan</b>	<b>Akta Perundangan</b>
<b>Sabah</b>	Taman-taman Sabah	Enakmen Taman-taman Sabah 1984
<b>Sarawak</b>	Perbadanan Perhutanan Sarawak	Ordinan Taman Negara dan Rizab Semula Jadi 1998
<b>Semenanjung Malaysia</b>	Jabatan Taman Laut Malaysia	Akta Perikanan 1994

Sumber: Jabatan Perikanan, (2019)



Jadual 1.1 di atas menunjukkan badan perundangan yang mengurus MPA bagi negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Ketiga-tiga Kawasan ini mempunyai pengurusan dan akta perundangan yang berbeza. Di Malaysia terdapat 50 kawasan perlindungan marin secara keseluruhannya. Kawasan Perlindungan Marin (MPA) yang pertama ditubuhkan di negeri Sabah adalah pada tahun 1974 iaitu Taman Tunku Abdul Rahman. Sabah yang mempunyai garis pantai sepanjang 1,440 kilometer menjadikan perairan negeri ini secara tidak langsung terdedah kepada aktiviti penangkapan ikan secara berlebihan dan penggunaan kaedah memancing yang tidak sesuai. Malaysia menukuhkan MPA adalah untuk menggalakkan perancangan dan pengurusan yang mencukupi bagi menangani isu tersebut. Bagi mengatasi isu yang dihadapi, kerajaan bertanggungjawab ke atas sumber ini bertindak secara bijak untuk mengurus dan melindunginya. Misalnya, Rantau Abang telah diisyiharkan sebagai Kawasan Terlarang Perikanan di bawah Akta Perikanan 1985 yang bertujuan melindungi hidupan laut seperti penyu dan tapak pendaratan penyu. Hal ini kerana, penyu merupakan hidupan laut yang sangat terancam dan perlu dilindungi. Sejajar dengan penubuhan MPA, kawasan ini turut dibuka dan memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat lebih dekat spesis marin dan